

17/04/2004

Jenazah isteri bekas TPM selamat dikebumi

KUALA LUMPUR: Jenazah Toh Puan Asmah Alang, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang di sini, kira-kira jam 10.30 pagi semalam.

Asmah, 78, meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai pada jam 12.25 pagi selepas dimasukkan ke hospital sejak 26 Mac lalu.

Jenazah Allahyarham sebelum itu disembahyang di kediamannya di Lorong Bukit Pantai 5, Bukit Pantai, Bangsar di sini.

Antara kenamaan yang hadir di kediaman Allahyarham bagi memberikan penghormatan terakhir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal.

Hadir sama isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya Datin Paduka Marina Mahathir; bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Anak kedua Allahyarham, Mohd Tamrin berkata, ibunya dimasukkan ke Pusat Perubatan Pantai sejak dua minggu lalu apabila keadaannya semakin kritikal.

"Allahyarham memang sudah lama sakit, tetapi keadaannya semakin teruk sejak beberapa minggu lalu dan meninggal dunia akibat sakit tua," katanya ketika ditemui selepas jenazah ibunya selamat dikebumikan, semalam.

Talkin dan doa dibacakan Imam Masjid Amru Al-As, Bandar Baru Sentul, Mokhtar Mohd Nor.

Beliau berkata, Allahyarham yang dilahirkan pada 4 Mei 1926 adalah seorang yang aktif dalam pertubuhan dan pernah memegang jawatan Ketua Kaum Ibu Wanita Umno Melaka serta Exco Kaum Ibu ketika zaman Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman.

Allahyarham mempunyai 10 anak hasil perkongsian hidup dengan Ghafar iaitu Allahyarham Sharani, Mohd Tamrin, Salmah, Zainun, Mohd Sofi, Asri, Allahyarham Rosman, Hamidah, Sarah dan Allahyarham Kartini.

Beliau turut meninggalkan 17 cucu dan seorang cicit.